Jawapan Pra Penggal 1 tahun 2012.

Bahagian A

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | D | | 6 | C | | 11 | D |
| 2 | B | | 7 | B | | 12 | B |
| 3 | B | | 8 | B | | 13 | B |
| 4 | B | | 9 | A | | 14 | B |
| 5 | A | | 10 | C | | 15 | A |

Bahagian B

1. i) Jumlah penduduk
   ii) Panjang jalan raya

2. i) Melantik Perdana Menteri
   ii) Meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-raja
   iii) Menolak permintaan membubarkan parlimen

3. i) Saman
   ii) tangkap dengan waran
   iii) tangkap tanpa waran

4. i) Majlis Raja-raja
   ii) Majlis Kewangan Negara

iii) Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan

iv) Majlis Tanah Negara

5. i) Muflis

   ii) Tidak siuman

   iii) Dihukum penjara tidak kurang dari 12 bulan

   iv) Didenda tidak kurang dari RM2,000.00

   v) Menjadi warganegara negara asing

   vi) Tidak melaporkan perbelanjaan dalam pilihan raya dalam tempoh tertentu

   vii) Tidak hadir mesyuarat tanpa kebenaran Dewan.

6. i) Keterangan bersumpah

   ii) Keterangan dari kandang (dock)

   iii) Berdiam diri

**SKEMA PENGGAL 1**
**BAHAGIAN C**

1 Walaupun penggunaan internet sebagai platform perniagaan semakin mendapat tempat di negara ini, sambutan masyarakat di negara ini terhadap penggunaannya masih rendah berbanding negara maju. Bincangkan.

Pengenalan:
Pembangunan e-niaga telah membuka ruang yang lebih luas untuk menjana pendapatan usahawan dan seterusnya merancakkan ekonomi negara. Namun, urusniaga bentuk ini masih kurang mendapat sambutan.

| Bil | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1. | **A: Faktor Mendapat tempat**<br>Menjimatkan kos peniaga dan pembeli | - Peniaga menjual barangan dan perkhidmatan mereka kepada pelanggan secara langsung<br>- Tidak perlu menyewa tapak kedai sebaliknya menempatkan perniagaan di sebuah pelayan web |

| | | |
|---|---|---|
| | | utama.<br>- Kaedah peniagaan terus kepada pelanggan(B2C) dapat menjimatkan kos pemasaran dan seterusnya meningkatkan margin keuntungan.<br>- menjamin harga yang lebih rendah<br>- Cth: Syarikat penerbangan Air Asia telah menggunakan kaedah e-niaga sebagai medium untuk menawarkan perkhidmatan penerbangan bagi mengurangkan kos. |
| 2. | Kaedah transaksi tanpa sempadan | - Pelbagai urusan perbankan dan transaksi boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana juga<br>- Pengguna tidak terikat dengan urusan waktu pejabat atau terpaksa beratur panjang di kaunter bayaran<br>- Pelayan web utama boleh dikunjungi pada bila-bila masa<br>- Cth: Perkhidmatan Maybank2U.Com |
| 3. | Saiz pasaran yang lebih luas | - Barangan dipasarkan ke seluruh dunia tanpa sebarang masalah.<br>- Saiz pasaran yang lebih luas menjanjikan pelanggan yang lebih ramai |
| 4. | Pilihan barangan dan perkhidmatan yang pelbagai dan terkini | - Pelanggan dapat mengakses serta merta barangan dan perkhidmatan yang disediakan<br>- Menjadikan mereka pengguna yang lebih peka<br>- Maklumat dan senarai harga terkini disediakan dalam talian.<br>- Maklumat produk sentiasa dikemaskini bagi membantu pembeli membuat perbandingan daripada pelbagai aspek, seterusnya membuat pilihan yang tepat dan bijak |
| 5. | **B: Faktor-faktor kurang mendapat sambutan**<br>Jumlah pengguna internet yang terhad | - Berdasarkan laporan Penggunaan Internet, pengguna internet hanya tertumpu di Lembah Kelang dan kawasan sekitarnya.<br>- Pengguna internet di negeri-negeri lain terutamanya di kawasan luar bandar adalah rendah, iaitu di bawah paras 10% .<br>- Kadar yang rendah juga adalah disebabkan jurang digital<br>- Jumlah penggunaan yang terhad akan mengganggu perkembangan e-niaga |

| | | |
|---|---|---|
| 6. | Usia pengguna | - Kebanyakan pengguna internet adalah golongan muda dan remaja yang berumur antara 15 hingga 19 tahun dan 20 hingga 24 tahun.<br>- Kebanyakan mereka masih menuntut dan tidak mempunyai pendapatan<br>- Mereka menggunakan internet untuk tujuan hiburan, berkomunikasi dan mencari maklumat<br>- Keadaan ini gagal mewujudkan kumpulan pengguna yang berkualiti untuk pasaran e-niaga di Malaysia. |
| 7. | Keselamatan transaksi | - Kad kredit merupakan kaedah pembayaran yang popular dan pengguna bimbang terhadap keselamatan transaksi<br>- Kebanyakan pelanggan masih kurang yakin untuk memberi maklumat kad kredit<br>- Kebimbangan wujud terhadap kemungkinan maklumat peribadi dan nombor akaun kad kredit mereka dipintas oleh penggodam sistem komputer<br>- Justeru, e-niaga bukan menjadi pilihan utama |

Cadangan jawapan
2 + 3 atau 3 + 2

2 Kegiatan merempit bukanlah satu fenomena baru di negara ini. Walaupun kegiatan ini mengundang masalah kepada pelbagai pihak, kegiatan itu masih sukar dibanteras. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan gejala ini berleluasa dan cadangkan langkah-langkah untuk menanganinya.

| BIL | IDEA UTAMA | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1. | **<u>A : PUNCA</u>**<br><br>Terpengaruh dengan rakan | - rakan sebaya memainkan peranan dalam menentukan pemilihan aktiviti yang gemar dilakukan oleh sekelompok remaja<br>- remaja mudah terikut-ikut dengan apa-apa yang dilakukan oleh rakan sebaya tanpa memikirkan resiko yang bakal ditempuhi |
| 2. | Perasaan ingin mencuba | - desakan naluri remaja suka mencuba dan tidak takut kepada resiko yang bakal ditempuhi<br>- mereka berani melakukan apa sahaja<br>- mereka mudah berasa seronok dan ingin mencuba apa- |

| | | |
|---|---|---|
| | | apa sahaja yang dipaparkan oleh media |
| 3. | Tuntutan ego remaja | - hendak menunjukkan kehebatan, keberanian, kemahiran dan sebagainya |
| 4. | Kurang kasih sayang dan perhatian ibu bapa | - kurangnya kasih sayang dan perhatian turut mempengaruhi tindakan dan sikap remaja<br>- apabila mereka bosan, mereka mengambil jalan mudah dengan mencari hiburan di luar bersama rakan-rakan<br>- sikap ibu bapa yang suka berleter juga menyebabkan remaja bosan duduk di rumah |
| 5 | **<u>B:LANGKAH MENGATASI</u>**<br><br>Peranan dan tanggungjawab ibu bapa | - berikan didikan agama,kasih sayang dan perhatian secukupnya kepada anak-anak agar anak-anak merasakan diri mereka dikasihi dan dihargai<br>- jangan biarkan anak-anak menjadi liar gara-gara kegagalan ibu bapa memberi perhatian secukupnya<br>- Luang sedikit masa untuk bersama dengan anak-anak<br>- bertanyalah masalah, mendengar luahan dan rintihan hati mereka<br>- Pastikan rakan sebaya anak-anak mereka |
| 6. | Tindakan undang-undang | - Pasukan polis hendaklah menangkap mereka yang terlibat dalam kegiatan ini<br>- Tangkapan yang dibuat mesti diiringi dengan tindakan yang lebig tegas daripada undang-undang yang sedia ada<br>- Pihak berkuasa juga harus membuat pemantauan yang Berterusan |
| 7. | Peranan masyarakat | - amalkan budaya “jaga tepi kain orang” secara positif<br>- amalan tegur-menegur anak-anak jiran tetangga yang kita dapati melakukan perkara-perkara yang negatif<br>- Membantu pihak polis dalam melaporkan kejadian lumba haram yang berlaku di kawasan masing-masing<br>- dekati “Mat-mat Rempit” dengan berhemah dan hikmah serta berinteraksi secara matang dengan golongan ini dan jangan memperlakukan mereka seperti budak kecil |
| 8. | Peranan NGO | - Misalnya Pertubuhan Belia 4B, Rakan Cop, Rukun Tetangga dan sebagainya mengadakan aktiviti yang menarik minat remaja yang bermasalah<br>- mengadakan perlumbaan di trek yang sebenar kepada remaja yang berminat dengan perlumbaan |
| 9. | Kempen-kempen kesedaran | - adakan kempen kesedaran melalui media massa tentang keburukan aktiviti lumba haram<br>- membuat iklan tentang keburukan lumba haram dan implikasinya terhadap remaja, keluarga, dan negara. |

Pilihan jawapan
2 + 3 atau 3 + 2

3  Hasrat untuk memacu negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020 perlu didokong oleh usaha melahirkan modal insan yang  berkualiti tinggi. Huraikan.

Pembangunan modal insan penting dilaksanakan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti tinggi, berkemahiran, dan berpengetahuan serta kreatif dan inovatif. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk merealisasikan hasrat tersebut.

| Bil | Idea | Huraian Idea |
|---|---|---|
| 1 | **Langkah-langkah**<br>Mempergiat usaha menarik bakat | Menubuhkan “Talent Corporation” di bawah Jabatan Perdana Menteri” pada 2011<br>Untuk menambah pekerja berbakat dan berkualiti dan menjalin kerjasama dan jaringan bakat di seluruh dunia |
| 2 | Memperluas akses kepada pendidikan berkualiti | Sekolah, peralatan, kemudahan dinaiktaraf,<br>Memartabatkan profesion perguruan<br>Sekolah cemerlang diberi ganjaran<br>Yuran pendidikan dimansuhkan, pelajar Tkn 1 - 5 diberi RM 100 untuk membeli buku  dan baucar 1M |
| 3 | Memperkasa pendidikan awal | Kadar kemasukan pelajar pra sekolah ditingkatkan dengan sasaran 72% menjelang 2011<br>Kelas-kelas ditambah<br>Perlantikan guru siswazah mengajar pra sekolah ditambah |
| 4 | Memantapkan pendidikan sekolah rendah dan menengah | Semua sekolah diberi bantuan<br>Menyediakan biasiswa bagi guru melanjutkan pelajaran<br>Memantapkan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar<br>Menubuhkan sekolah berprestasi tinggi |
| 5 | Mengarusperdanakan Pendidikan teknikal dan latihan vokasional | Memberi penekanan kepada pendidikan teknikal dan vokasional seperti Negara maju |
| 6 | Memperkasa pendidikan tinggi | Peratusan staf Phd ditingkatkan, peluang kenaikan pangkat diperluas |
| 7 | Mempergiat program latihan dan kemahiran | Menyediakan dana bagi mempergiat “Program Industrial Skill Enhancement di Pusat latihan kemahiran Negeri, graduan digalakkan memperkembang potensi |
| 8 | Program Latihan 1Malaysia | Dilaksana untuk menambah ilmu pengetahuan melalui peningkatan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru |
| 9 | Meningkatkan produktiviti pekerja | Menubuhkan majlis konsultasi Gaji Negara untuk meningkatkan prodktiviti |
| 10 | Memperluas penglibatan | Menguatkuasa Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja |

| | | |
|---|---|---|
| | wanita dalam ekonomi | Separa masa) bagi menggalakkan penyertaan lebih banyak wanita sebagai pekerja separuh masa |

**Kesimpulan**
Pembangunan modal insan hendaklah dirancang dan dilaksana sebaik-baiknya.
**Pilihan jawapan 5 + 0**